

07 MAY 2003

LING-PELABUHAN (Analisis Berita)

CAJ LEBIH RENDAH PELABUHAN BINTULU UJIAN BESAR BAGI MENTERI
PENGANGKUTAN

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Sepanjang beberapa tahun lalu, usaha cergas Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik untuk menarik syarikat-syarikat perkapalan menggunakan pelabuhan-pelabuhan Malaysia telah membuahkan hasil yang mengagumkan.

Dianggap sebagai "Jurujual Pelabuhan" No.1 Malaysia, wawasan Dr Ling untuk menjadikan Pelabuhan Klang (gabungan Westport dan North Port) sebagai salah satu daripada 10 pelabuhan terbaik di dunia sedang menuju pencapaian wawasan tersebut.

Begitu juga kejayaan yang diperolehi oleh Pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor dalam menarik lebih banyak kapal, yang malahan menyebabkan kebimbangan dan rasa cemburu pelabuhan negara jiran yang lebih terkenal kukuh iaitu Lembaga Pelabuhan Singapura, pelabuhan kontena kedua terbesar dunia.

Sekarang, kedudukan Dr Ling sedang melalui ujian besar bukan oleh pengguna pelabuhan asing tetapi oleh Petroliam Nasional Bhd (Petronas) yang tidak puas hati terhadap Pelabuhan Bintulu di Sarawak yang mengenakan "caj berlebihan" ke atas kapal-kapal tangki gas asli cecairnya (LNG).

Hujahnya ialah sebahagian besar daripada hasil Pelabuhan Bintulu datangnya daripada penghantaran LNG, terutamanya ke Jepun, Korea Selatan dan Taiwan. Ia dikeluarkan oleh loji-loji MLNG Petronas (Malaysia LNG) di Bintulu.

Caj tambahan bagi sebuah kapal tangki LNG sebanyak RM800,000 telah disifatkan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Hassan Marican sebagai yang tertinggi di dunia, yang merupakan perkara yang tidak baik daripada segi jualan dan pastinya kadangkala sesuatu yang Dr Ling tidak suka mendengarnya.

Para eksekutif MLNG di Bintulu tidak akan teragak-agak memberitahu para wartawan cerita mengenai Pelabuhan Bintulu yang membuat "hasil RM800,000 paling mudah" di Malaysia.

Ia dipercayai sebagai pelabuhan paling kaya wang di negara ini.

Apa yang mereka bayangkan ialah setiap kapal tangki mengambil kurang daripada 24 jam untuk memuatkan LNG ke atas kapal di dalam operasi secara automasi tertinggi yang dibuat oleh pekerja-pekerja MNLG sendiri.

Dengan sekurang-kurangnya 400 penghantaran setahun, Pelabuhan Bintulu memperoleh RM320 juta setahun daripada Petronas sahaja bagi sebuah pelabuhan yang dibina dengan harga RM558 juta dan memulakan operasi kira-kira 10 tahun lalu.

Hassan, di dalam taklimat media yang diadakan di Bintulu sendiri 21 April lalu, meminta diturunkan caj lebih rendah kerana ia tidak munasabah daripada segi perniagaan apabila ia lebih tinggi daripada Pelabuhan Tokyo sebanyak AS\$100,000 (RM380,000) sebuah kapal.

Beliau berkata harga LNG telah jatuh bukan sahaja dengan pengeluaran-pengeluar LNG baru memasuki pasaran, seperti Qatar dan Australia, tetapi teknologi-teknologi baru juga telah menjadikan kos pengeluaran yang lebih rendah.

Ia juga mungkin bermakna bahawa daya saing eksport LNG Malaysia mungkin terjejas oleh caj pelabuhan yang sedemikian tinggi.

Malaysia telah mula mengeluarkan LNG 20 tahun lalu dan daripada cuma sebuah loji, MLNG sekarang mempunyai tiga buah, dengan loji ketiga akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Menurut Dr Ling, caj tambahan itu ditetapkan oleh Bank Pembangunan Asia

(ADB) sebagai sebahagian daripada syarat-syarat bagi pinjamannya untuk membina beberapa kemudahan di pelabuhan itu.

Tetapi sumber-sumber memberitahu Bernama bahawa Pelabuhan Bintulu, sebuah entiti diswastakan dengan ekuiti majoriti dimiliki kerajaan persekutuan, tidak wajar jika ia tidak mula menurunkan cajnya ke atas kapal-kapal tangki LNG.

Perundingan-perundingan antara pelabuhan itu dan Petronas untuk caj lebih rendah telah berjalan untuk beberapa waktu, tetapi menurut Hassan, "ia akan mengambil masa tetapi kami mahu mencapai kedudukan sama-sama menang".

Campur tangan Dr Ling dalam perkara itu dilihat sebagai meningkatkan peluang Petronas untuk mendapat caj yang lebih rendah.

"Jika caj-caj itu memang menjadikan LNG Petronas tidak kompetitif, bahawa ia tidak boleh menjual kerana ia terlalu mahal, maka kami sanggup mendengar," beliau memberitahu pemberita ketika membalas kenyataan Hassan itu.

Seperti yang beliau katakan dengan tepat: "Kita tidak mahu bunuh angsa yang bertelurkan emas."

LNG sememangnya telur emas Malaysia.

Projek itu tidak syak adalah kisah kejayaan terbesar dalam usaha pengindustrian negara dengan eksport tahun lalu sebanyak 16.5 juta tonne bernilai RM12.4 bilion, yang itu sahaja merupakan 5.6 peratus daripada keluaran negara kasar. -- BERNAMA

AU AU OS